

06 NOV 2001

SHARIF: TUBUH LEBIH BANYAK KELAB SETIA DI SEKOLAH

SHAH ALAM, 6 Nov (Bernama) -- Kelab Setia patut ditubuhkan di semua sekolah bagi membolehkan pelajar menikmati program yang menimbulkan semangat kecintaan kepada negara, kata Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Infrastruktur, Penerangan dan Tanah Rizab Melayu negeri Datuk Mohamed Sharif Jajang.

Katanya setakat ini hanya 121 Kelab Setia ditubuhkan di sekolah seluruh Malaysia dengan dianggotai 13,000 pelajar tingkatan satu hingga enam.

"Daripada jumlah keseluruhan sekolah itu hanya sebahagian kecil 7.38 peratus menubuhkan kelab setia ini," katanya selepas merasmikan Program Cinta Negara Zon Tengah anjuran Jabatan Penerangan Malaysia di sini hari ini.

Seramai 200 peserta beberapa sekolah di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Perak menghadiri program selama dua hari ini.

Kelab Setia peringkat kebangsaan dilancarkan Mei lepas oleh oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan disusuli dengan Program Cinta Negara bagi zon utara melibatkan Perlis, Pulau Pinang dan Kedah, zon Timur membabitkan Kelantan, Terengganu dan Pahang bulan lepas.

Pada 22 Nov di Mersing, akan diadakan program Cinta Negara bagi zon selatan melibatkan Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, katanya.

-- BERNAMA

RIZ RON